

Pencapaian Muraja'ah hafazan Al-Quran pelajar TVET-Tahfiz MARA ketika menjalani latihan industri

Muraja'ah Achievements of al-Quran Memorization by TVET-Tahfiz MARA Students During Industrial Training

Mohd Nor Azmil Abdul Kadir^{1,2*}, Miftachul Huda

¹Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

²Institut Kemahiran MARA Lumut, 32040 Seri Manjung, Perak, Malaysia

*Corresponding author: azmilkadir85@gmail.com

Received: 28 January 2025; **Accepted:** 30 April 2025; **Published:** 30 May 2025

To cite this article (APA): Abdul Kadir, M. N. A., & Huda, M. (2025). Pencapaian Muraja'ah hafazan Al-Quran pelajar TVET-Tahfiz MARA ketika menjalani latihan industri. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 54-65. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.5.2025>

Abstrak

Program TVET-Tahfiz MARA merupakan inisiatif pendidikan tinggi dwi-pengajian yang mengintegrasikan hafazan al-Quran dengan kemahiran teknikal. Namun, cabaran utama timbul apabila pelajar perlu mengekalkan konsistensi murāja'ah semasa latihan industri yang padat dan berada di luar institusi formal. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan: (i) bagaimana pelajar melaksanakan murāja'ah sepanjang latihan industri, (ii) apakah kaedah yang digunakan, dan (iii) faktor penyokong serta penghalang yang mempengaruhi keberhasilan murāja'ah. Menggunakan reka bentuk kualitatif kajian kes, seramai enam pelajar kohort pertama TVET-Tahfiz MARA di Institut Kemahiran Mara (IKM), Lumut Perak, dipilih sebagai responden berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data diperolehi melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen, kemudian dianalisis secara tematik berpandukan kerangka teori al-Zarnūjī. Dapatan menunjukkan bahawa keberhasilan murāja'ah dipengaruhi oleh tiga faktor saling melengkapi: (1) dimensi kerohanian dan nilai keagamaan, (2) pengurusan sendiri serta strategi pembelajaran, dan (3) sokongan sosial dan persekitaran kerja. Kajian ini menegaskan bahawa amalan murāja'ah bukan hanya bergantung pada usaha individu tetapi memerlukan sokongan ekosistem industri yang kondusif. Secara signifikan, kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan tahfiz dengan menghubungkan teori klasik al-Zarnūjī dengan realiti kontemporari, di samping memberi implikasi praktikal kepada MARA dalam memperkukuh kurikulum TVET-Tahfiz serta sistem pemantauan hafazan semasa latihan industri.

Kata Kunci: Murāja'ah, Hafazan al-Quran, TVET-Tahfiz, Latihan Industri, Teori Al-Zarnūjī

Abstract

The MARA TVET-Tahfiz Program is a dual-education initiative that integrates Qur'an memorization with technical skills. However, a major challenge arises when students must

maintain consistency in their *murāja'ah* (Qur'an revision) during intensive industrial training outside the formal institutional setting. This study seeks to address three key questions: (i) how students carry out *murāja'ah* throughout their industrial training, (ii) what methods are employed, and (iii) what supporting and hindering factors influence the effectiveness of *murāja'ah*. Adopting a qualitative case study design, six first-cohort TVET-Tahfiz MARA students at IKM Lumut were selected as respondents through purposive sampling. Data were collected via semi-structured interviews and document analysis and thematically analyzed using al-Zarnūjī's theoretical framework. The findings reveal that the effectiveness of *murāja'ah* is shaped by three interrelated factors: (1) spiritual and religious values, (2) self-regulation and learning strategies, and (3) social support and workplace environment. The study underscores that the practice of *murāja'ah* is not solely dependent on individual effort but requires the reinforcement of a supportive industrial ecosystem. Significantly, this study contributes to the literature on tahfiz education by linking al-Zarnūjī's classical theory with contemporary realities, while also offering practical implications for MARA in strengthening the TVET-Tahfiz curriculum and the monitoring system of Qur'an memorization during industrial training.

Keywords: Murāja'ah, Qur'an Memorization, TVET-Tahfiz, Industrial Training, Al-Zarnūjī's Theory

Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang berfungsi sebagai panduan utama umat manusia. Sejak awal penurunannya, usaha pemeliharaan al-Quran dilakukan secara sistematik melalui hafazan dan penulisan. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT bahawa al-Quran akan sentiasa terpelihara (QS al-Hijr: 9). Murāja'ah menjadi tradisi pendidikan Islam yang penting, khususnya dalam konteks tahfiz kerana ia bukan sekadar pengulangan hafazan bahkan lebih dari itu untuk memastikan kefahaman terhadap ayat-ayat suci tersebut. Tradisi ini bermula sejak zaman Rasulullah SAW apabila baginda menggalakkan para sahabat menghafal, memahami dan mengamalkan al-Quran. Uthman ibn Affan r.a dikenali sebagai sahabat yang menguasai hafazan secara sempurna bahkan menurut al-Azami (2003), bacaan al-Quran oleh Rasulullah SAW menjadi faktor yang menarik ramai manusia untuk memeluk Islam.

Seiring dengan perkembangan Islam di rantau Melayu, murāja'ah turut diteruskan dan menjadi sebahagian daripada budaya keilmuan masyarakat Muslim. Pada era Kesultanan Melayu, ulama tempatan menggalakkan hafazan dan penghayatan al-Quran sebagai warisan keilmuan yang diwarisi dari generasi ke generasi berikutnya (Abdul Rahman, 1998). Tradisi ini tidak hanya bertujuan mengekalkan keaslian teks tetapi turut membentuk kerangka pemikiran dan budaya ilmu masyarakat Muslim. Pada zaman moden pula, institusi pendidikan Islam seperti sekolah agama, pondok dan maahad tahfiz telah memperkukuhkan lagi amalan ini dengan menyediakan pendidikan formal dan informal melalui silibus dan mata pelajaran yang diajar di institusi pendidikan masing-masing. Program seperti musabaqah hafazan di pelbagai peringkat turut dijadikan medium menghidupkan tradisi murāja'ah dalam masyarakat (Mohd Zin, 2015).

Sokongan terhadap amalan ini juga semakin terserlah di Malaysia apabila agensi agama dan masyarakat umum bersama-sama menggerakkan inisiatif hafazan dan murāja'ah. Laporan JAKIM (2020) menunjukkan masyarakat memberi dorongan kuat kepada tradisi ini melalui

kelas-kelas hafazan dan pengajian al-Quran. Pemimpin agama turut menggalakkan hafazan sebagai usaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan, manakala Othman (2019) menegaskan impak positif amalan ini dalam membentuk individu bertakwa dan berdisiplin. Keterampilan hafazan turut menjadi aset penting dalam memperkasa dakwah serta pendidikan Islam telah membuktikan bahawa murāja'ah tidak hanya bernilai dari aspek spiritual bahkan memberi implikasi terhadap struktur sosial dan intelektual pelajar.

Namun, pendidikan tahfiz kini berhadapan cabaran baharu kerana pelajar tidak hanya perlu menguasai hafazan tetapi juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran teknikal dan vokasional. Justeru, MARA melalui Bahagian Kemahiran Teknikal (BKT) memperkenalkan program TVET-Tahfiz MARA sebagai model kurikulum integrasi hafazan dan kemahiran teknikal (MARA, 2022). Program ini dirancang untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang hafazannya, tetapi juga berkemahiran tinggi dalam bidang industri moden, sesuai dengan tuntutan abad ke-21. Pendekatan ini dilihat sebagai usaha sistematik untuk melahirkan pelajar yang memenuhi model TVET-Tahfiz MARA iaitu elemen *Skillfull Huffaz*, *Innovative Muslim* dan *Kamil Personality* yang mampu melaksanakan tuntutan duniawi dan ukhrawi secara seimbang.

Latarbelakang Kajian

Murāja'ah berasal daripada perkataan Arab مراجعة dengan kata akar راجع dan يراجع yang membawa maksud mengulang-ulang atau menyemak kembali sesuatu perbuatan dengan kerap (Ibnu Manzur, Lisan al-Arab). Definisi ini seiring dengan takrifan Kamus Dewan Edisi Keempat yang menjelaskan murāja'ah sebagai pengulangan berterusan terhadap sesuatu perbuatan atau perkara. Dalam konteks pendidikan tahfiz, murāja'ah bukan sahaja bermaksud mengekalkan hafazan, malah menjadi mekanisme disiplin rohani dan intelektual yang perlu diberi perhatian serius agar kesinambungan hafazan dapat terjamin. Dengan itu, murāja'ah menjadi asas penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan tahfiz kekal relevan walaupun digabungkan dengan bidang teknikal moden.

Selaras dengan perkembangan tersebut, MARA melalui Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) memperkenalkan program TVET-Tahfiz yang menawarkan pendidikan dwi aliran, iaitu gabungan hafazan al-Quran dan kemahiran teknikal. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2021 dengan pengambilan kohort pertama seramai 17 orang di IKM Lumut, Perak, yang menjadi institusi pelaksana rasmi. Inspirasi program ini datang daripada kejayaan MRSM Ulul Albab yang berjaya menyediakan laluan alternatif kepada pelajar huffaz untuk mengakses pengajian teknikal dan teknologi tinggi tanpa mengabaikan hafazan mereka. MARA kemudiannya memperluaskan pelaksanaan program ke beberapa institusi lain seperti IKM Besut, IKM Jasin dan KKTMM Ledang dengan penawaran pelbagai disiplin teknikal lainnya seperti automotif, penyejukan dan penyamanan udara serta kejuruteraan elektronik bioperubatan. Menurut MARA (2022), graduan program ini akan menerima dua penganugerahan iaitu diploma pengajian dalam bidang teknikal serta sijil pencapaian hafazan MARA.

Dari sudut makro, penubuhan TVET-Tahfiz berfungsi mengisi kekosongan tenaga pakar tempatan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang amat diperlukan dalam Revolusi Industri 4.0 (Khadijah & Izuli, 2023). Kebergantungan kepada tenaga kerja asing membawa implikasi negatif terhadap sosioekonomi negara. Justeru, program ini bukan sahaja akan mengangkat martabat huffaz tetapi juga memberi sumbangan strategik dalam pembangunan modal insan berkemahiran tinggi. Selain itu, TVET-Tahfiz menyediakan nilai tambah yang

kritikal bagi pelajar tahfiz, dimana mereka tidak lagi terbatas kepada peranan tradisional seperti imam atau penceramah agama malah turut berpotensi menjadi pakar teknikal, perunding industri dan profesional yang kompeten dan mempunyai integriti serta sahsiah terpuji (Abd Hamid et al., 2021). Program ini seterusnya dilihat sebagai usaha membentuk generasi holistik yang seimbang dari aspek rohani, intelek, jasmani dan emosi.

Bagi menjamin kebolehpasaran graduan, program TVET-Tahfiz turut diwajibkan dengan komponen latihan industri. Latihan ini berfungsi sebagai medium pendedahan kepada suasana kerja sebenar dan menjadi pelengkap kepada pembelajaran di institusi (Salleh, 2014). Manual Latihan Industri Pendidikan TVET MARA (2016) menetapkan bahawa semua pelajar KKTM, MJII dan IKM mesti menjalani latihan industri selama 20 hingga 26 minggu bagi memenuhi keperluan badan pengiktiraf sijil seperti MQA dan JPK. Justeru, pelajar TVET-Tahfiz jurusan Diploma Kompetensi Kimpalan di IKM Lumut diwajibkan mengikuti latihan industri selama tiga bulan pada semester keenam. Hal ini bukan sahaja memastikan pelajar memenuhi syarat penganugerahan diploma, malah memperkukuh pengetahuan praktikal serta meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran kerja. Oleh yang demikian, gabungan murāja'ah, hafazan, pendidikan teknikal dan latihan industri menjadikan program TVET-Tahfiz MARA sebagai sebuah model pendidikan komprehensif yang berpotensi melahirkan profesional Muslim berkemahiran tinggi dan berakhlak mulia.

Namun begitu, meskipun program TVET-Tahfiz MARA telah menunjukkan potensi besar dari sudut integrasi hafazan al-Quran dengan pendidikan teknikal, masih terdapat ruang kajian yang belum diterokai secara mendalam. Antaranya ialah keberkesanan murāja'ah dalam konteks pelajar TVET-Tahfiz yang perlu menyeimbangkan komitmen memelihara hafazan al-Quran dengan kehendak pengajian teknikal yang turut padat. Bagi melihat dan menilai keperluan kepada kefahaman yang mendalam tentang isu yang ingin dikaji, tinjauan kepada kajian lepas telah dilakukan oleh penyelidik. Sorotan literatur berfungsi sebagai asas penting dalam pembinaan kerangka konseptual kajian, selain menunjukkan pemahaman pengkaji terhadap idea, teori dan isu yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Menurut Mohd Yusri (2017), 70 hingga 80 peratus permasalahan kajian dapat diselesaikan melalui sorotan literatur yang menyeluruh, manakala selebihnya ditangani dengan pengumpulan dan analisis data lapangan. Berdasarkan penelitian pengkaji, masih belum wujud kajian di peringkat ijazah sarjana, ijazah doktor falsafah atau penulisan ilmiah yang meneliti secara spesifik berkaitan pencapaian murāja'ah hafazan pelajar TVET-Tahfiz semasa menjalani latihan industri, khususnya dengan menjadikan pemikiran al-Zarnūjī sebagai kerangka teori. Justeru, bahagian ini akan mengulas kajian terdahulu mengikut tiga tema utama: kaedah hafazan, faktor sosial dan persekitaran, serta isu-isu berkaitan TVET dan latihan industri.

Kajian berkaitan hafazan al-Quran telah banyak dilakukan, namun kebanyakannya masih menumpukan kepada konteks institusi formal tanpa mengambil kira realiti latihan industri. Misalnya, Abdul Hafiz et al. (2005) menekankan variasi sistem hafazan di Kuala Lumpur dan Terengganu serta perlunya modul yang lebih efektif. Walaupun penting, pendekatan kuantitatif mereka tidak mampu menjelaskan pengalaman subjektif pelajar, khususnya dalam situasi dwi-disiplin seperti TVET-Tahfiz. Kajian Mustafa dan Basri (2014) pula membandingkan kaedah tradisional (tasmik berulang) dan moden (aplikasi digital), tetapi tidak menilai bagaimana kedua-duanya boleh disepadukan dalam persekitaran industri yang menuntut fleksibiliti. Dalam kajian ini, integrasi dua pendekatan tersebut muncul secara semula jadi melalui amalan pelajar, menunjukkan keperluan kajian yang lebih kontekstual.

Dari sudut faktor sosial, Ahmad Rozaini (2020) mendapati ibu bapa dan rakan sebaya mempengaruhi hafazan pelajar sekolah agama. Namun, dapatan itu bersifat umum dan tidak mengira beban teknikal atau suasana industri. Kajian Mohd Razlan et al. (2022) tentang pelajar Plus Tahfiz UiTM mendapati suasana pembelajaran tidak kondusif menyebabkan penurunan hafazan, tetapi kajian itu juga berorientasikan kuantitatif dan tidak meneliti strategi pelajar menghadapi cabaran. Dapatan ini bercanggah dengan penemuan awal kajian kami, di mana faktor sokongan majikan dan rakan sekerja boleh menjadi penguat amalan murāja'ah, bukan sekadar penghalang.

Dalam konteks pendidikan TVET, kajian Nur 'Adnin Syamil (2023) menegaskan kelemahan tadbir urus dan kerjasama industri tetapi tidak menyentuh kepada amalan hafazan pelajar tahfiz secara langsung. Sementara itu, Hafizan dan Marzuqi (2023) menyoroti isu keciciran pelajar tahfiz disebabkan faktor disiplin dan suasana pembelajaran, namun fokusnya hanya pada institusi formal. Justeru, kajian ini mengisi jurang penting dengan meneliti pengalaman murāja'ah pelajar TVET-Tahfiz dalam suasana latihan industri yang belum pernah diteliti secara empirikal. Lebih signifikan, literatur terdahulu masih kurang menghubungkan dengan kerangka klasik. Teori al-Zarnūjī tentang *hifz al- 'ilm*, *ṣaḥḥat al-niyyah*, *ḥusn al-tadbīr* dan *ṣuḥbah aṣ-ṣāliḥīn* menyediakan asas konseptual yang kaya tetapi belum diaplikasikan secara sistematik dalam pendidikan tahfiz moden. Kajian ini cuba menghubungkan kekosongan itu dengan menilai keberkesanan murāja'ah pelajar TVET-Tahfiz melalui perspektif al-Zarnūjī, sekaligus menghubungkan tradisi keilmuan klasik dengan keperluan kontemporari.

Permasalahan Kajian

Al-Quran merupakan wahyu agung yang wajib dipelihara keasliannya oleh umat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW dan tanggungjawab ini telah diambil alih oleh mereka yang terlibat dalam pendidikan tahfiz secara langsung. Pendidikan tahfiz yang berasaskan hafazan menjadi salah satu kaedah utama bagi memastikan al-Quran kekal terpelihara. Walaupun kaedah hafazan berbeza antara institusi, matlamat utamanya adalah sama iaitu untuk memelihara keaslian keseluruhan ayat al-Quran (Noor Hisham, et.al 2014). Dalam konteks pendidikan moden, inisiatif TVET-Tahfiz diperkenalkan sebagai usaha menyepadukan pendidikan tahfiz al-Quran dengan kemahiran teknikal. Pendekatan ini diharap dapat melahirkan generasi huffaz yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani serta berdaya saing berbanding graduan institusi konvensional (Abd Hamid et al., 2021).

Namun begitu, pelaksanaan pendidikan tahfiz berdepan pelbagai cabaran dalam mengekalkan hafazan. Kajian mendapati pelajar menghadapi kekangan masa, kekurangan motivasi, kelemahan daya ingatan, cabaran emosi serta gangguan persekitaran yang secara langsung mempengaruhi pencapaian hafazan (Nik Md. Saiful et al., 2021). Penemuan ini sejajar dengan dapatan Waenalai (2009) di Thailand Selatan yang melaporkan bahawa gangguan luaran menyebabkan pelajar kurang tumpuan ketika melaksanakan aktiviti murāja'ah. Hal ini menunjukkan faktor dalaman dan luaran memberi kesan besar terhadap konsistensi hafazan pelajar. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu meneliti isu ini dalam konteks pelajar tahfiz secara umum, sedangkan konteks baharu TVET-Tahfiz masih belum diterokai secara mendalam.

Lebih kritikal, dapatan awal IKM Lumut (2023) mendedahkan bahawa hanya 35% pelajar TVET-Tahfiz mampu menghantar tasmik hafazan satu muka surat sehari seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program TVET-Tahfiz (2022). Sebaliknya, majoriti pelajar

hanya mampu mengulang setengah muka surat bahkan ada yang kurang dari itu. Kelemahan ini bukan sahaja menjejaskan pematuhan kepada silibus, malah mengancam pencapaian matlamat program. Situasi dijangka lebih serius apabila pelajar menjalani latihan industri selama tiga bulan tanpa pemantauan secara langsung oleh guru tasmik. Sehingga kini, tiada kajian terdahulu yang meneliti kaedah muraja'ah pelajar TVET-Tahfiz dalam tempoh latihan industri, sedangkan faktor ini menjadi titik kritikal kepada keberkesanan program.

Ini ditambah pula dengan dapatan kajian Hayati Hussin et al. (2021) yang menyatakan lebih 70% huffaz yang menyambung pengajian dalam bidang Tahfiz dan Qiraat mengalami masalah lupa ayat-ayat hafazan. Bagi pelajar lepasan tahfiz yang menyambung pengajian mereka dalam bidang yang sama sekalipun tidak lari dari masalah memelihara hafazan, bagaimana hal keadaan mereka yang menyambung pengajian di luar bidang. Hal ini mengukuhkan kebimbangan bahawa kelemahan muraja'ah merupakan masalah sistemik yang berulang dan tidak boleh dipandang ringan. Walaupun faktor umum yang mempengaruhi hafazan seperti motivasi, emosi dan persekitaran telah dikenal pasti, faktor khusus dalam konteks TVET-Tahfiz terutama semasa latihan industri masih belum dikaji. Justeru, wujud jurang kajian yang signifikan berkaitan amalan muraja'ah dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaiannya dalam kalangan pelajar TVET-Tahfiz. Penyelidikan ini perlu dilaksanakan bagi mengisi kelompongan tersebut serta memastikan objektif program TVET-Tahfiz MARA benar-benar tercapai dalam melahirkan huffaz yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka fenomena muraja'ah dalam konteks sebenar kehidupan pelajar TVET-Tahfiz. Pemilihan reka bentuk kualitatif adalah berasaskan keupayaannya memberikan kefahaman mendalam tentang pengalaman, strategi serta cabaran yang dihadapi pelajar dalam melaksanakan muraja'ah sepanjang menjalani latihan industri. Kajian ini dijalankan di Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut, Perak yang merupakan institusi perintis program TVET-Tahfiz MARA. Seramai enam orang pelajar kohort pertama TVET-Tahfiz dipilih sebagai informan kajian menggunakan kaedah *purposive sampling*. Kesemua mereka ialah pelajar lelaki jurusan Diploma Kompetensi Kimpalan yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dan sedang mengikuti latihan industri. Pemilihan sampel kecil ini bertujuan memberi tumpuan yang mendalam terhadap pengalaman individu dalam konteks khusus.

Dua kaedah utama digunakan iaitu temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Temu bual dijalankan di bilik perbincangan IKM Lumut pada waktu yang dipersetujui bersama responden. Setiap sesi berlangsung antara 40 hingga 60 minit dan dirakam dengan kebenaran responden. Soalan temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian, merangkumi pengalaman, strategi dan cabaran muraja'ah. Selain itu, dokumen sokongan seperti rekod tasmik harian turut dianalisis untuk tujuan triangulasi. Data temu bual ditranskrip secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis tematik berpanduan kerangka Braun dan Clarke (2006). Proses analisis dilaksanakan melalui pengekodan awal, pengelompokan kod, pembentukan subtema dan tema utama, sebelum ditafsir menggunakan dimensi teori al-Zarnūjī.

Bagi menjamin ketelitian serta ketepatan dapatan kajian, penyelidik telah mengaplikasikan kriteria kesahan dan kebolehpercayaan yang dikemukakan oleh Lincoln dan

Guba (1985). Empat kriteria utama telah digunakan iaitu kredibiliti, kebolehulangan, kebolehdishakkan dan kebolehpindahan. Pertama, dari sudut kredibiliti, penyelidik melaksanakan proses semakan peserta (*member checking*) dengan mengembalikan ringkasan transkrip temu bual kepada responden. Langkah ini membolehkan responden mengesahkan ketepatan data serta mengurangkan risiko salah tafsir. Kedua, bagi menjamin kebolehulangan (*dependability*), penyelidik menyediakan catatan lengkap yang dikenali sebagai jejak audit (*audit trail*). Catatan ini merangkumi proses pengumpulan data, keputusan pengekodan serta sebarang perubahan yang dibuat sepanjang analisis. Pendekatan ini membolehkan penyelidikan dinilai semula atau diulang oleh pengkaji lain dengan kaedah yang sama.

Bagi memastikan ketelusan analisis, jejak audit disediakan bagi merekodkan perkembangan data daripada petikan verbatim temu bual kepada kod awal, subtema dan tema utama. Jadual 1 menunjukkan contoh bagaimana data dianalisis sehingga membentuk tema. Pendekatan ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dapatan dengan memperlihatkan proses interpretasi yang sistematik.

Jadual 1: Jejak Audit

Petikan Verbatim (Data Asli)	Kod Awal	Subtema	Tema
“Saya anggap <i>murāja’ah</i> ini macam solat, mesti buat walaupun sibuk kerja di bengkel.” (Responden 3)	Murāja’ah sebagai kewajipan	Amanah syar’ie	Dimensi Kerohanian & Nilai Keagamaan
“Biasanya saya guna waktu rehat makan tengah hari untuk ulang satu muka surat, kadang-kadang lepas kerja.” (Responden 2)	Guna masa sela kerja	Strategi pengurusan masa	Pengurusan Kendiri & Strategi Pembelajaran
“Majikan kami benarkan guna surau selepas waktu kerja, jadi senang nak ulang hafazan.” (Responden 5)	Sokongan majikan & fasiliti	Suasana kerja kondusif	Sokongan Sosial & Persekitaran
“Saya rekod bacaan dalam telefon, lepas tu semak sendiri sebelum baca dengan kawan.” (Responden 4)	Gunakan teknologi	Teknologi digital sebagai alat <i>murāja’ah</i>	Pengurusan Kendiri & Strategi Pembelajaran
“Rakan sekerja sama-sama hafiz, jadi kami saling ingatkan kalau ada lupa.” (Responden 1)	Sokongan rakan sebaya	Ṣuḥbah aṣ-ṣāliḥīn	Sokongan Sosial & Persekitaran

Ketiga, aspek kebolehdishakkan (*confirmability*) diberi perhatian melalui penyimpanan rekod temu bual dan dokumen sokongan secara teliti. Selain itu, penyelidik turut melaksanakan semakan bersama rakan penyelidik (semakan rakan penyelidik) bagi memastikan interpretasi data tidak dipengaruhi kecenderungan peribadi dan benar-benar berpaksikan bukti. Akhir sekali, kebolehpindahan (*transferability*) diperkukuh dengan menyediakan deskripsi konteks yang kaya mengenai latar belakang pelajar, struktur program TVET-Tahfiz serta suasana latihan industri. Huraian terperinci ini membolehkan pembaca menilai kesesuaian dapatan kajian untuk diaplikasikan dalam konteks atau persekitaran lain.

Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan dapatan memberikan tumpuan kepada pengalaman, kaedah serta faktor yang mempengaruhi pelajar TVET-Tahfiz dalam melaksanakan *murāja’ah* hafazan al-Quran sepanjang latihan industri. Berdasarkan objektif pertama iaitu meneroka pengalaman pelajar, dapatan menunjukkan bahawa dimensi kerohanian dan nilai keagamaan menjadi asas utama motivasi dalaman yang mendorong pelajar untuk terus konsisten dalam *murāja’ah* walaupun

berhadapan dengan cabaran masa dan beban kerja. Seterusnya, objektif kedua yang menekankan kepada pengenalanpastian kaedah murāja'ah dapat dijelaskan melalui elemen pengurusan sendiri dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, termasuk penetapan jadual peribadi, penggunaan teknik hafazan tertentu serta penyesuaian strategi mengikut konteks latihan industri. Akhirnya, objektif ketiga iaitu mengkaji faktor-faktor yang menyokong dan menghalang pencapaian murāja'ah memperlihatkan kepentingan sokongan sosial dan persekitaran, sama ada daripada rakan sebaya, pihak industri mahupun suasana tempat kerja yang berperanan besar dalam menentukan keberkesanan murāja'ah pelajar.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga elemen dapatan ini saling melengkapi dalam menjawab objektif kajian sekali gus menggambarkan bahawa keberhasilan murāja'ah hafazan al-Quran semasa latihan industri bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek individu pelajar tetapi juga oleh nilai keagamaan yang tertanam serta jaringan sokongan sosial yang mengelilingi mereka.

1. Dimensi Kerohanian dan Nilai Keagamaan sebagai Asas Motivasi Dalaman

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murāja'ah tidak sekadar difahami sebagai keperluan akademik bahkan lebih dihayati sebagai amanah syar'ie yang memiliki implikasi ukhrawi. Hal ini terserlah apabila sebahagian responden melihat kewajipan melaksanakan murāja'ah dengan analogi kepada kewajipan solat. Responden 3 menegaskan: *"Saya anggap murāja'ah macam solat, kena buat walau sibuk kerja."* Manakala Responden 1 menyebut: *"Kalau saya tak murāja'ah, rasa macam ada benda kurang, macam tak lengkap ibadah harian."*

Kefahaman ini mencerminkan prinsip *ḥifẓ al-'ilm* sebagaimana ditekankan oleh al-Zarnūjī (2022) bahawa ilmu adalah amanah yang wajib dipelihara agar tidak dicabut oleh Allah. Justeru, murāja'ah difahami bukan hanya sebagai latihan memori malah sebagai mekanisme rohani untuk menjaga ilmu. Penghayatan ini menanamkan kekuatan spiritual dan emosi yang menjadi benteng pelajar ketika berdepan cabaran industri.

Namun, kajian juga menemukan perspektif yang lebih pragmatik. Responden 2 menyatakan: *"Saya buat murāja'ah sebab takut lupa masa nak tasmik, kurang markah nanti dan kadang-kadang bukan sebab ibadah."* Pandangan ini memperlihatkan wujudnya orientasi akademik semata-mata, berbeza daripada orientasi rohani. Kontradiksi ini penting kerana ia menunjukkan variasi motivasi: ada yang berteraskan spiritual, ada pula yang lebih berorientasikan duniawi.

Prinsip *ṣaḥḥat al-niyyah* (keikhlasan niat) dan *tajdīd al-niyyah* (pembaharuan niat) al-Zarnūjī relevan di sini. Pelajar yang menyedari hakikat keletihan dan kelalaian tetap berusaha memperbaharui niat, menjadikan niat bukan faktor sampingan tetapi pemacu utama daya tahan spiritual. Penjelasan ini konsisten dengan teori motivasi intrinsik Ryan dan Deci (2000) yang menyatakan bahawa motivasi berasaskan nilai sendiri dan spiritual lebih berkesan untuk mengekalkan komitmen berbanding motivasi luaran. Kajian Yusup et al. (2025) turut mendapati bahawa dimensi spiritual menjadi asas penting bagi pelajar tahfiz dalam mengekalkan hafazan. Keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa nilai agama bukan sekadar sokongan tambahan, tetapi asas motivasi dalaman yang menentukan keberhasilan murāja'ah dalam konteks TVET-Tahfiz.

2. Pengurusan Kendiri dan Strategi Pembelajaran

Kajian juga mendapati bahawa pencapaian murāja'ah banyak bergantung pada keupayaan pelajar mengurus diri dan membangunkan strategi pembelajaran yang fleksibel. Responden 1 menekankan: *"Saya akan buat jadual, pagi hafal, malam ulang. Kalau tak ikut jadual, memang kelaut."* Manakala Responden 6 menyatakan: *"Kalau mengulang berkumpulan, kita saling semak bacaan. Itu buat saya lebih ingat."*

Strategi ini menggambarkan pelaksanaan prinsip *ḥusn al-tadbīr* (pengurusan yang bijak) dan *iqtināṣ al-furṣah* (merebut peluang) seperti yang ditekankan oleh al-Zarnūjī (2022). Walaupun terikat dengan jadual latihan industri yang padat, pelajar mampu mencari ruang masa selepas kerja, memanfaatkan sela waktu rehat serta mengamalkan mikro-sesi hafazan.

Responden 3 pula mengakui kelemahan konsistensi: *"Jadual memang buat, tapi ikut seminggu je. Lepas tu susah nak konsisten sebab kerja tak menentu"* Hal ini selaras dengan cabaran motivasi dalaman, di mana hanya mereka yang benar-benar mempraktikkan prinsip *al-taqlīl al-mustamirr* (amalan sedikit tetapi berterusan) dapat mengekalkan keberkesanan hafazan. Di samping itu, dapatan menunjukkan pelajar kreatif dalam memanfaatkan teknologi moden. Mereka menggunakan aplikasi Quran android, rakaman suara dan semakan bacaan dalam talian untuk melengkapkan strategi sendiri. Inovasi ini selari dengan prinsip *murūnah fī al-tarīqah* (fleksibiliti dalam kaedah). Kajian Mustaffa et al. (2019) dan Rahman et al. (2020) turut menyokong keberkesanan teknologi digital dalam mengekalkan hafazan di luar persekitaran formal.

Kesimpulannya, kejayaan murāja'ah bukan hasil disiplin rohani semata-mata bahkan lahir daripada sinergi antara spiritualiti, pengurusan masa, sistem sendiri dan penggunaan teknologi secara optimum. Penemuan ini selari dengan Roslan & Halim (2020) serta Bakar & Ismail (2022) yang mendapati bahawa pengurusan sendiri berstruktur mendorong konsistensi hafazan pelajar.

3. Sokongan Sosial dan Persekitaran

Dimensi ketiga ialah peranan sokongan sosial dan persekitaran kerja. Dapatan menunjukkan bahawa sokongan keluarga, rakan, guru dan majikan memberi kesan langsung terhadap semangat murāja'ah. Responden 5 menyatakan: *"Kalau belajar ramai-ramai, saya lebih semangat sebab kawan ingatkan."* Responden 4 turut menegaskan: *"Kalau ada kawan yang sama hala tuju, kita jadi lebih konsisten."*

Namun, responden 2 memberi perspektif berbeza: *"Bila belajar dengan ramai, kadang jadi bising, saya lagi cepat hilang fokus."* Kontradiksi ini menunjukkan bahawa sokongan sosial boleh menjadi penguat atau penghalang bergantung kepada dinamika kumpulan. Keadaan ini menepati prinsip *ṣuḥbah ṣāliḥīn* (bersahabat dengan orang soleh) dan *al-ta'āwun* (kerjasama) dalam teori al-Zarnūjī. Sahabat yang soleh mendorong istiqamah, manakala suasana negatif melemahkan fokus. Begitu juga, prinsip *ikhtiyār al-makān* (pemilihan tempat) terbukti penting kerana pelajar yang mempunyai akses ke surau atau ruang senyap lebih mudah mengekalkan hafazan. Kajian oleh Sulaiman & Ahmad (2021) juga menunjukkan bahawa motivasi sosial memberi pengaruh signifikan kepada amalan agama, manakala Ahmad & Halim (2021) menegaskan bahawa persekitaran kerja kondusif menyokong keseimbangan spiritual. Selain itu, Yusof et al. (2018) melaporkan bahawa rakan sekerja berperanan besar dalam membentuk amalan keagamaan di tempat kerja.

Keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa sokongan sosial dan persekitaran bukan sekadar faktor luaran, tetapi melengkapi kekuatan dalaman pelajar. Dengan kata lain, keberhasilan murāja'ah hafazan al-Quran pelajar TVET-Tahfiz adalah hasil gabungan motivasi spiritual, strategi sendiri dan ekosistem sosial yang menyokong.

Rajah 1: Model Konseptual Faktor Kejayaan Murāja'ah
Adaptasi Teori al-Zarnūjī



Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa amalan murāja'ah pelajar TVET-Tahfiz sepanjang latihan industri bukan sekadar aktiviti pengulangan hafazan bahkan lebih kepada proses multidimensi yang melibatkan kekuatan spiritual, pengurusan sendiri dan sokongan sosial. Murāja'ah difahami sebagai amanah syar'ie yang perlu dipelihara, dilaksanakan secara berdisiplin melalui strategi yang kreatif serta dipengaruhi secara signifikan oleh suasana persekitaran industri. Sumbangan utama kajian ini ialah penerokaan pengalaman murāja'ah dalam konteks program TVET-Tahfiz yang pertama kali dilaksanakan oleh MARA. Tidak banyak kajian terdahulu yang menghubungkan realiti hafazan dengan suasana industri, apatah lagi menafsirkannya melalui kerangka klasik al-Zarnūjī. Kajian ini menghubungkan warisan pemikiran Islam tradisional dengan cabaran kontemporari pendidikan vokasional moden, sekaligus membuka ruang baharu dalam wacana pengajian Islam dan TVET. Dapatan turut menunjukkan kontradiksi yang menarik: sokongan rakan dan majikan boleh menjadi penguat motivasi, namun dalam keadaan tertentu boleh juga bertukar menjadi gangguan. Hal ini membuktikan bahawa keberhasilan murāja'ah bergantung kepada keseimbangan antara faktor dalaman iaitu niat, disiplin sendiri dan strategi serta faktor luaran seperti sokongan sosial dan suasana kerja di industri.

Berdasarkan hasil ini, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dikemukakan. Pertama, penyelidikan kuantitatif berskala besar wajar dijalankan bagi mengukur sejauh mana faktor dalaman dan luaran mempengaruhi pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar TVET-Tahfiz. Kedua, kajian perbandingan antara institusi TVET-Tahfiz MARA dengan institusi tahfiz tradisional dapat memberikan gambaran lebih komprehensif tentang keberkesanan model integrasi ini. Ketiga, penyelidikan longitudinal dicadangkan bagi menilai impak jangka panjang latihan industri terhadap kelestarian hafazan selepas tamat pengajian. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan kepentingan membina ekosistem pembelajaran tahfiz yang lebih fleksibel dan adaptif, khususnya dalam konteks industri moden. Hasil kajian ini bukan sahaja memberi implikasi kepada penggubalan dasar pendidikan TVET-Tahfiz itu sendiri malah menyumbang kepada pembangunan pedagogi pengajian Islam yang lebih kontekstual, inklusif dan berakar kepada tradisi ilmu Islam.

Rujukan

- Abd Hamid, M. H., Isa, A. A. M., & Ishak, H. 2021. Faktor Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 596–605.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et. al. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Rahman, A. 1998. *Sejarah Pendidikan Islam di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rozaini. 2020. Amalan Pembelajaran Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Ph.D. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad, N., & Halim, F. 2022. Spiritual Support and Workplace Adaptability Among Hafiz Students in Industrial Training. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 9(2), 45–58.
- Al-Azami, M. M. 2003. *The History of the Qur'anic Text from Revelation to Compilation*. Leicester: UK Islamic Academy.
- Al-Zarnūji. S.B. 2022. Terj; *Taalim al-Mutaallim Thariq at-Taallum*. Kelantan: Penerbit Jabal Mara Sdn.Bhd.
- Bakar, A., & Ismail, N. 2022. Persekitaran sosial dan motivasi pelajar tahfiz: Analisis Empirikal. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 7(2), 112–129.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Hayati Hussin, et al. 2021. Motivasi Intrinsik: Isu dan Cabaran dalam Mengekalkan Hafazan al-Quran dalam Kalangan Pelajar USIM. *Jurnal Al-Quran & Isu-Isu Kontemporari (QIRAAT)*, 4(2), 75–83.
- Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. Retrieved from <http://arabiclexicon.hawramani.com/ibn-manzur-lisan-al-arab/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. Laporan Tahunan 2020.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an (21st ed.)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Khadijah Riddzwan & Izuli Dzulkifli. 2023. Pelaksanaan TVET-Tahfiz Di Malaysia: Satu Pengenalan. e-Prosiding InFAZ, UNITEN, 141-155
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage Publications, Inc.
- Majlis Amanah Rakyat (MARA). 2016. *Manual Latihan Industri Pendidikan TVET MARA*. Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat.
- Mohd Razlan., et.al. 2022. Isu Dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran Di UiTM. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa USIM*. 27(2), 27-38.
- Mohd Yusri Ibrahim. 2017. *Sembang Santai Penyelidikan*. Besut : Bandar Ilmu
- Mohd Zin, M. 2015. *Pendidikan Islam di Malaysia: Suatu Analisis Sejarah dan Perkembangan*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hafizan & Mohamad Marzuqi., 2023. Faktor Keciciran Pelajar Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. e-Prosiding InFAZ, UNITEN, 103-116.
- Mustafa, N. M., & Basri, M. 2014. Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal. Proceeding of the Social Sciences Research (ICSSR 2014), 827–834. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: WorldConferences.net.
- Mustaffa, N. A., Rahman, R. A., & Nordin, M. 2019. Adapting Hafazan Techniques in Non-Tahfiz Environments. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 7(2), 12–20.

- Nik Abdullah, N. M. S. A., Ab Rahim, F. N., & Muhammad Isa @ Omar, R. A. 2021. Exploring the challenges of sustaining Qur'anic memorization: A case study. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 1–17.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob dan Nasrul Hakim Salleh. 2014. Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. Kota Bharu.
- Nur 'Adnin Syamil. 2023. Analisis Isu dan Strategi Dasar Lonjakan Graduan TVET Berkualiti di Institut Latihan Kemahiran Malaysia. Tesis Ph.D. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, N. 2019. Kesahan dan Kebolehpercayaan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4(2), 45-58.
- Rahman, A. R., Zainal, N. F. A., & Yusuf, M. 2020. Adaptation and Resilience in Islamic Vocational Education. *Journal of Contemporary Islamic Education*, 4(3), 76–90.
- Roslan, S., & Halim, A. 2020. Time Management and Academic Achievement of Tahfiz Students. *International Journal of Educational Psychology*, 5(2), 66–78.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. 2000. Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54–67
- Salleh, N., H. 2014. Kepuasan Majikan Terhadap Prestasi Pelajar Letika Menjalani Latihan Industri. Kertas Kajian Pengurusan Perniagaan.
- Sulaiman, M. N., & Ahmad, W. Z. 2021. Social Recognition and Intrinsic Motivation Among Young Hafiz Graduates. *Southeast Asia Journal of Islamic Education*, 3(1), 25–41.
- Waenalai, K. 2009. Pembelajaran Menghafal Al-Qur'an Di Ma'had Nahdhotul 'Ulum Yala Thailand Selatan Tahun 2009. Skripsi Tesis Sarjana, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta
- Yusof, M. S., Abdullah, N. H., & Latif, A. A. 2018. Peer Influence in Islamic Identity Preservation among Working Hafiz. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(2), 59–74.
- Yusup, N., Abdul Rahim, N. F., & Borham, A. S. 2025. Murajaah in Quran memorization among Islamic students: A systematic literature review. *International Journal of Modern Education*, 7(1), 47–61.